



Submission: 15/02/2022 Accepted: 09/06/2022 Published: 29/09/2022
DOI: 110.33102/abqari.vol27no1.5210.33102/abqari.vol26no2.

KEPERAWANAN MARYAM DARI PERSPEKTIF BIBLE DAN PANDANGAN AL-QURAN TERHADAPNYA

Maryam's Virginity from the Perspective of the Bible and Al-Quran

Hamidah binti Abu Hassan @ Abd Rahman^{a*}
Md Yunus bin Abd Aziz^b

^aInstitut Pendidikan Guru,Kampus Pendidikan Islam

^bUniversiti Sains Islam Malaysia

*g-60138125@moe-dl.edu.my

Abstract

Mary or Maryam is the greatest woman mentioned in Bible and Al-Quran. God chosen Mary to be a mother while she was yet a virgin. Mary was honored and highly regarded among the Muslims and Christians when she gave birth to Jesus or Isa a.s without any cohabitation with a male. Islam and Christian provide different perspectives on Maryam's virginity based on the prophecies of their respective scriptures. This article discusses the virginity of Maryam according to the Christian and the Islamic perspectives. This article also aims to compare and analyze the differences of the viewpoints given by using comparative methods, analysis and criticism. Among the important findings of this study is that Christian's teachings and beliefs about Mary 's virginity have a close relationship with Jesus divinity. From the Islamic perspective, the virginity of Maryam and the birth of Isa a.s is one of the great signs of Allah s.w.t. greatness and perfection.

Keywords: Concept, virgin, doctrine, divinity.

Abstrak

Jesus Christ atau Isa a.s dilahirkan oleh seorang perawan suci iaitu Mary atau Maryam a.s. Kedua-dua agama Kristian dan Islam mengiktiraf hakikat tersebut. Namun begitu konsep keperawanan Maryam a.s telah mencetuskan pandangan yang berbeza dari perspektif kedua-dua agama. Justeru penulisan ini adalah untuk membentangkan konsep kelahiran perawan dan kedaraan selama-lamanya Maryam

menurut pandangan Kristian dan Islam serta melakukan analisis terhadap asas-asas perbezaan antara kedua-dua agama berpandukan dalil dan hujah daripada kitab suci masing-masing. Kajian ini adalah berbentuk analisis kandungan yang menggunakan metod kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa keperawan Maryam ketika mengandung dan melahirkan Jesus telah mengukuhkan doktrin ketuhanan Jesus Christ pada pandangan penganut Kristian sedangkan Islam melihat ia sebagai tanda kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T ke atas makhluk-Nya.

Kata kunci: Konsep, perawan, doktrin, ketuhanan.

PENDAHULUAN

Mary atau Maryam a.s. adalah bonda kepada Jesus atau Isa a.s. Keistimewaan wanita ini terbukti apabila beliau melahirkan Jesus atau Isa a.s tanpa melalui hubungan dengan lelaki dalam sunnah manusia yang biasa. Kitab Bible dan al-Quran telah merakamkan kisah kelahiran tersebut. Kedua-dua kitab mengakui bahawa Maryam adalah gadis sunti yang masih perawan ketika mengandungkan Jesus atau Isa a.s. Kelahiran luar biasa ini telah mengangkat kedudukan Maryam sebagai wanita yang dipilih oleh Allah s.w.t. untuk menzahirkan ketentuan-Nya yang mengandungi rahsia dan hikmah untuk makhluk-Nya. Walaupun kedua-dua kitab menjelaskan perkara yang sama namun terdapat perbezaan dalam menceritakan kisahnya dan juga meletakkan penghormatan terhadap beliau sejajar dengan ajaran agama Kristian dan Islam itu sendiri.

PENGENALAN MARYAM

Mary adalah ibu kepada susuk tubuh yang amat penting dalam agama Kristian. Setiap doktrin dalam agama Kristian terarah semata-mata untuk menyempurnakan kesempurnaan peribadi Jesus sebagai anak Tuhan yang diutuskan menjadi penyelamat manusia. Namun begitu, tidak banyak keterangan yang boleh dirujuk dalam Bible terutama New Testament yang menceritakan mengenai Mary. Cerita mengenai beliau hanya didapati dalam gospel Luke dan Matthew di samping terselit perbincangan mengenainya secara tidak langsung dalam beberapa keterangan gospel selain keduanya. Penulis banyak merujuk cerita berkaitan Mary melalui buku-buku yang bersumber daripada *Christian tradition*. *Christian tradition* merupakan ajaran-ajaran gereja yang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi samaada secara lisan atau bertulis tetapi ajaran-ajaran tersebut tidak tertulis dalam Bible. Ia perlu diakui oleh sebuah badan rasmi yang bernama *magisterium* yang berfungsi untuk mengkaji sesuatu perkara untuk diterima sebagai ajaran gereja. (Yuhana,2005)

Mary adalah anak perempuan kepada pasangan Anne dan Joachim. Pasangan ini merupakan ahli ibadat yang terkenal di kalangan bangsa Israil. Kedua-dua mereka berasal dari keturunan David (James,1900). Mary dilahirkan ketika usia

perkahwinan Anne dan Joachim mencecah 20 tahun. Ketika itu kedua-duanya sudah berusia. (Jibril,1981) Anne melahirkan Mary di Jerusalem dan ada juga pandangan yang mengatakan Mary dilahirkan di Nazareth. Tarikh sebenar kelahiran Mary juga tidak dapat ditentukan secara tepat tetapi kebanyakan ilmuwan mengatakan ia berlaku pada tahun 22 atau 21 B.C. (Roshini,1961)

PENGERTIAN VIRGIN ATAU PERAWAN

Perkataan *virgin* digunakan memandangkan perkataan ini sentiasa digabungkan bersama nama Mary bagi menggambarkan keperawanan dan kesuciannya ‘*the virgin Mary*’. Ia digunakan untuk menggambarkan perempuan yang belum pernah berkahwin dan tidak pernah melakukan hubungan seksual dengan lelaki. Dalam keterangan *Old Testament* gelaran ini merujuk kepada perempuan yang tidak pernah tidur dengan lelaki dan belum pernah berkahwin sebagaimana keterangan-keterangan berikut:

“Look I have two daughters who has never slept with a man.”
(Genesis 19 : 18)

“...but save for yourselves every girl who has never slept with a man”.

(Numbers 31 : 18)

“You may go,” he said. And he let her go for two months. She and her friends went into the hills and wept because she would never marry. After the two months, she returned to her father, and he did to her as he had vowed. And she was a virgin.

(Judges 11:
38-39)

Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, perkataan *virgin* lebih merujuk kepada kegadisan atau keperawanan seorang wanita. Perawan yang suci ialah gadis yang belum berkahwin dan tidak pernah melakukan hubungan seksual. Gadis ini kebiasaannya masih di bawah lingkungan pengawasan bapanya. Menjaga keperawanan atau kesucian diri bagi seorang gadis amat dituntut oleh bangsa Yahudi ketika itu dan ia merupakan perkara yang disukai sehingga digalakkan pemuda untuk mencari calon isteri yang masih perawan seperti yang tercatat dalam keterangan :

"Then the king's personal attendants proposed, "Let a search be made for beautiful young virgins for the king."

(Ester 2 : 2)

Jelas bahawa keperawan atau kesucian merupakan perkara penting yang dititikberatkan oleh masyarakat Yahudi ketika itu sehinggakan apabila seorang gadis hilang keperawanannya, ia merupakan petanda buruk yang akan membawa kehinaan dan malu. Kenyataan di bawah menceritakan rayuan seorang gadis yang mengetahui dirinya akan disisih dan dihina sekiranya dirinya tidak perawan lagi:

"What about me? Where could I get rid of my disgrace? And what about you? You would be like one of the wicked fools in Israel. Please speak to the king; he will not keep me from being married to you." ¹⁴ But he refused to listen to her, and since he was stronger than she, he raped her".

(Samuel 13: 13-14)

Sehubungan dengan itu, setiap gadis dan teruna mesti menjaga kesucian diri dengan menjauhi sebarang perbuatan yang dianggap keji dan hina terutama perbuatan zina. Menjaga kesucian diri bukan semata-mata menjauhi perbuatan yang boleh menjelaskan keperawan malah penganut Kristian dikehendaki menjaga kesucian diri dengan menghindari perbuatan dosa dan menghiasi diri dengan pekerti yang baik supaya mereka dapat mendiami *the Kingdom of God* selepas kematian.

KELAHIRAN JESUS MELALUI VIRGIN BIRTH

Ketika Mary masih dalam tempoh pertunangan dengan Joseph, malaikat Gabriel telah diutuskan kepadanya menyampaikan perkhabaran gembira kelahiran cahayamata melaluinya. Walaupun dalam kehairanan bagaimana mungkin beliau yang masih perawan akan mengandungkan bayi namun Mary pasrah menerima ketentuan tersebut. Malaikat meyakinkan Mary bahawa Tuhan telah memilihnya untuk mengandung dan melahirkan anak yang menjadi penyelamat kepada manusia (Luke 1:30-33).

Penganut Kristian mempercayai bahawa kelahiran Jesus adalah melalui inkarnasi zat Tuhan ke dalam rahim Maryam (Bromily,1998). Kepercayaan ini bersandarkan kepada keterangan Bible (Matthew 1: 18-25 dan Luke 1:26-56 dan 2 :1-7) dan pengakuan oleh pemimpin-pemimpin terkemuka gereja yang turut juga mengiktiraf Maryam adalah perawan seumur hidupnya seperti John Chrysostom (354-407 M), Jerome (347-420 M), Augustine (354-430 M) dan Ambrose (339-397 M) (Donald Attwater,1930).

Walaupun gospel Luke dan Matthew jelas memperakui bahawa Mary melahirkan Jesus dalam keadaan perawan, namun kedua-dua keterangan tersebut telah mencetuskan kekeliruan mengenai hubungan Joseph dengan Mary. Penisbahan Jesus kepada Joseph telah menimbulkan andaian bahawa Jesus adalah anak kepada Joseph dan Mary, seolah-olah Joseph dan Mary telah menjalinkan hubungan sehingga melahirkan Jesus sekaligus menafikan Mary melahirkan Jesus dalam keadaan perawan.

“He was the son, so it was thought, of Joseph...”

(Luke 3 : 23)

Keadaan ini menjadi bahan sindiran terutama daripada orang-orang Yahudi yang beranggapan bahawa Jesus adalah anak zina. Cemuhan mereka bermula semenjak Jesus menyebarkan ajarannya sehingga saat kematiannya. Orang Yahudi mengatakan bahawa “*we are not illegitimate children*” (John 8 : 40) sebagai sindiran kepada Jesus bahawa mereka tidak seperti beliau yang dilahirkan dari hubungan zina sedangkan mereka mempunyai bapa yang sah.

Ilmuwan Kristian antaranya John Calvin yang berasal dari Perancis menyatakan bahawa penisbahan Joseph sebagai bapa kepada Jesus adalah bersempena dengan susur galur keturunan Joseph daripada David. Ini kerana Mary juga daripada keturunan yang sama. Penisbahan Jesus kepada keturunan David amat penting untuk membuktikan beliau adalah *Messiah* yang dijanjikan Tuhan untuk menjadi penyelamat manusia yang dimestikan dari keturunan David (Majdi,t.t). Hubungan kekeluargaan antara Joseph dan Mary tidak disebut dalam gospel Matthew dan Luke kerana kedua-dua gospel tersebut ditulis dalam tempoh masa yang masih hampir dengan zaman Jesus. Luke dan Matthew menulis silsilah keturunan Jesus dalam situasi sebilangan besar daripada pengikut Jesus masih mengingati dengan mendalam hubungan kekeluargaan antara Joseph dan Mary. Justeru tidak timbul masalah penisbahan Joseph sebagai bapa kepada Jesus (George al-Khudri,t.t).

Karl Bart pula cenderung menyatakan Joseph adalah bapa angkat kepada Jesus. Ini kerana menghubungkan Jesus kepada keturunan David melalui Joseph hanya akan menghilangkan nilai mukjizat kelahiran Jesus sedangkan Mary melahirkan Jesus tanpa melalui hubungan dengan lelaki. Maka adalah tidak wajar menisbahkan Jesus kepada lelaki yang bukan bapanya (George al-khudri,t.t). Hubungan angkat ini adalah cetusan daripada ilham Tuhan kepada Joseph yang diperintahkan untuk memelihara Jesus sebagaimana yang tercatat dalam keterangan:

“When they had gone, an angel of the Lord appeared to Joseph in a dream. “Get up,” he said, “take the child and his mother and escape

to Egypt. Stay there until I tell you, for Herod is going to search for the child to kill him."

(Matthew 2 :13)

Hubungan angkat ini menjadikan Jesus termasuk secara langsung dalam keturunan David sepetimana yang disebut oleh Paul melalui keterangan:

"regarding his Son, who as to his earthly life was a descendant of David."

(Romans 1 : 3)

Jelasnya, penisbahan Jesus kepada Joseph samaada melalui hubungan kekeluargaan atau anak angkat tidak menjelaskan kenyataan bahawa Mary melahirkan Jesus dalam keadaan masih perawan. Penisbahan tersebut adalah penting bagi menghubungkan Jesus kepada keturunan David untuk mengukuhkan kedudukan Jesus sebagai penyelamat yang dijanjikan.

KONSEP KEPERAWANAN MARY

Bible tidak menjelaskan sebab dan tujuan Jesus perlu dilahirkan melalui seorang perawan. Terdapat berbagai pandangan yang dikemukakan bagi menjawab persoalan tersebut. Sebilangan ilmuan Kristian berpendapat bahawa keperibadian Jesus yang menggabungkan unsur ketuhanan dan kemanusiaan memerlukannya dilahirkan melalui kelahiran perawan. Sekiranya Jesus dilahirkan melalui hubungan lelaki dan perempuan, maka beliau hanya akan menjadi manusia dan bukannya Tuhan. Justeru tidak ada kesatuan Tuhan dan manusia dalam dirinya (Williams,1974). Pandangan ini dinafikan oleh sebilangan ilmuan Kristian yang menegaskan bahawa gabungan ketuhanan dan kemanusiaan Jesus telah ada sebelum beliau dilahirkan. Tuhan telah menetapkan gabungan ini sejak azali. Oleh itu gabungan tersebut tetap akan terjadi sama ada Jesus dilahirkan melalui kelahiran perawan atau kelahiran biasa (Donald G Bloesh,1997).

Ada juga pandangan yang mengatakan Jesus dilahirkan melalui kelahiran perawan kerana beliau adalah anak Tuhan yang dikecualikan dari mewarisi dosa Adam. Sekiranya Jesus dilahirkan oleh dua ibu bapa dari kalangan manusia, maka sudah tentu sukar baginya dikecualikan dari hukuman dosa Adam dan menjadi penyelamat manusia kerana beliau juga turut berdosa seperti manusia lain (Sheen,1957).

Kedua-dua pandangan ini tidak diterima oleh Karl Bart dan John Calvin. Kedua-dua ilmuan ini menafikan pandangan tersebut dengan hujah bahawa pengecualiaan Jesus dari mewarisi dosa kerana kesucian yang muncul dari dalam dirinya sendiri sebagai firman Tuhan yang menjadi manusia. Jesus juga diibaratkan seperti orang yang

berdosa kerana ditugaskan untuk menjadi penyelamat dan perantara di antara manusia berdosa dan Tuhan. Jesus terpaksa mengorbankan dirinya di tiang salib bagi membebaskan manusia yang berdosa sedangkan dirinya tidak berdosa sepertimana keterangan:

“For what the law was powerless to do because it was weakened by the flesh¹ God did by sending his own Son in the likeness of sinful flesh to be a sin offering. And so he condemned sin in the flesh”.

(Romans 8 : 3)

Justeru kelahiran Jesus tanpa bapa dan beribukan seorang perawan adalah ketentuan Tuhan dan telah termaktub dalam perancangan-Nya sejak azali. Ia merupakan petanda awal penyempurnaan janji Tuhan untuk membebaskan manusia dari dosa berdasarkan keterangan:

“She will give birth to a son, and you are to give him the name Jesus, because he will save his people from their sins.”

(Matthew 1 : 21)

MARY KEKAL PERAWAN

Penganut Kristian mengakui Mary tidak hanya perawan ketika menerima tiupan ruh suci malah ketika mengandung dan melahirkan Jesus juga beliau kekal dara. Gereja Katolik percaya Mary kekal dara atau *ever virgin* sehingga ke akhir hayat. Kepercayaan ini telah mencetuskan perbahasan terutama daripada mazhab Protestan kerana tidak ada keterangan yang jelas dan tepat dalam Bible mengenainya. Tambahan pula ada keterangan-keterangan Bible yang bercanggah dengan kepercayaan tersebut. Di antaranya ialah perkataan ‘*until*’ di dalam petikan Matthew 1: 25, ‘*before*’ di dalam Matthew 1: 18, ‘*first born*’ di dalam Luke 2: 7 dan ‘*brothers*’ di dalam I Corinthians 9:5 dan Galatians 1: 19.

Katolik dan Protestan sepakat pada keterangan yang menyebut Mary dan Joseph tidak melakukan hubungan kelamin selepas berkahwin sehingga Mary melahirkan Jesus namun kedua-dua mazhab ini berbeza pandangan ketika menafsirkan petikan ; “*but he had no union with her until she gave birth to a son*” (Matthew 1:25).

Menurut Protestan, Mary hanya perawan ketika mengandung dan melahirkan Jesus. Selepas kelahiran Jesus, Mary menjalani kehidupan bersama Joseph sebagai pasangan suami isteri sehingga melahirkan saudara-saudara Jesus yang lain. Pandangan ini berdasarkan petikan di atas dan keterangan gospel:

"and she gave birth to her first born a son. She wrapped him in cloths and place him in the manger because there was no room for them in the inn."

(Luke 2: 7)

"...Isn't this the carpenter 's son? his mother Mary, and aren't his brothersJames,Joseph,Judas?

(Matthew:13)

Ketiga-tiga keterangan ini jelas memperlihatkan hubungan yang terjalin di antara Mary dan Joseph selepas kelahiran Jesus sehingga Mary turut melahirkan anak-anak mereka yang lain.

Dakwaan Protestan ini dinafikan oleh Katolik. Ketiga-tiga petikan tersebut tidak menggambarkan seperti yang didakwa. Ini kerana terdapat di dalam gospel beberapa keterangan yang menggunakan ayat yang hampir sama tetapi tidak menggambarkan maksud yang sepatutnya (Joseph). Sebagai contoh:

"And Michal daughter of Saul had no children to the day of her death."

Petikan ini menyebut Michal tidak mempunyai anak sehingga meninggal dunia. Ayat *no children to the day of her death* tidak bererti Michal melahirkan anak selepas kematiannya.

Perkataan *first born* yang dirujuk sebagai anak sulung kepada Mary oleh Protestan juga tidak bermaksud sedemikian. Pandangan Katolik ini berdasarkan kebiasaan orang-orang Yahudi pada ketika itu yang amat mementingkan gelaran anak sulung atau anak pertama. Mereka tetap akan memakai gelaran anak sulung kepada bayi pertama yang dilahirkan oleh seorang ibu sama ada ibu tersebut melahirkan anak yang lain selepas kelahiran pertama atau tidak. Anak sulung akan dibawa menjalani satu upacara penyucian bersempena dengan kelahirannya sebagai 'pembuka rahim' ibunya (Joseph, t.t).

Keterangan Matthew 13: 55 sepertimana yang dikemukakan di atas juga tidak diterima sebagai bukti Jesus mempunyai saudara kandung. Katholik mengatakan bahawa Jacob, Simon, Joshua dan Judas bukanlah anak kepada Mary ibu Jesus tetapi anak kepada isteri Clopas yang juga bernama Mary berdasarkan keterangan di dalam gospel yang sama pada perenggan 27: 56 yang berbunyi:

“Among them were Mary Magdalene, Mary the mother of James and Joses, and the mother of Zebedee's sons.”

Penisbahan mereka sebagai saudara Jesus kerana mereka juga mempunyai hubungan kekeluargaan di samping menjadi saudara seagama dengan Jesus. Kenyataan ini berdasarkan keterangan di dalam Mark (3): 34-35:

“Then he looked at those seated in circle around him and said, 'Here are my mother and my brothers! Whoever does God's will is my brother and sister and mother.'”

Jelasnya Jesus mengiktiraf sesiapa yang melaksanakan perintah Tuhan sebagai saudaranya. Tambahan pula masyarakat Yahudi ketika itu mempunyai ikatan kekeluargaan yang rapat sehingga sanak saudara juga akan dikira sebagai adik beradik. Sebagai contoh, Abraham menganggap Lot sebagai adiknya sedangkan Lot hanyalah anak kepada saudaranya;

“So, Abraham said to Lot, Let's not have any quarrelling between you and me, or between your herdsmen and mine, for we are brothers.”

(Genesis 13:8)

KESUCIAN DAN KEPERAWANAN MARYAM MENURUT AL-QURAN

Al-Qur'an menyebutkan nama Maryam tanpa mengaitkan nama itu dengan apa-apa gelaran. Allah S.W.T sentiasa mengiringi nama Maryam atau cerita berkenaan beliau dengan kalimah *Aḥṣanat Farjaha* (أحصنت فرجها) yang bererti perempuan yang menjaga kemaluannya dari perbuatan keji.

Menurut al-Tabari, kalimah (أحصنت فرجها) bererti Maryam memelihara diri dari perbuatan keji atau dari melakukan hubungan dengan lelaki. Beliau bukan sahaja tidak melakukan hubungan secara haram dengan lelaki malah tidak juga melakukan hubungan yang halal melalui pernikahan yang sah seperti yang difahami berdasarkan kenyataan melalui ayat ini. Kalimah tersebut telah memberikan gambaran dan merupakan bukti yang nyata bahawa beliau adalah seorang perawan ketika mengandungkan Isa a.s (al-Tabari.1968). Kalimah ini lebih jelas untuk membuktikan Maryam sebagai anak dara yang tetap suci dan memelihara diri. Perkataan wanita yang menjaga kemaluannya itu lebih baik dari *khitab* anak dara kerana anak dara tidak dapat dipastikan sama ada kekal menjaga kehormatannya atau tidak (Syalabi.1987).

Selain kalimah 'menjaga kemaluannya' ، (أحصنت فرجها) , kalimah 'menyucikan' (طهّر) juga menjelaskan keadaan kesucian Maryam. Kesucian beliau bukan sahaja terletak

pada sejauh mana beliau menjaga kehormatan dirinya tetapi beliau juga suci dari sudut keimanan. Maryam hanya menyandarkan ketaatan dan kepatuhan yang mutlak kepada Allah S.W.T di samping memelihara kesucian diri dari akhlak yang buruk dan cela. Firman Allah s.w.t:

وَإِذْ قَالَتِ الْمَلِكَةُ يَمْرِئُ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاكِ وَطَهَّرَكِ وَاصْطَفَاكِ عَلَى نِسَاءِ الْعَالَمِينَ

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika malaikat berkata: "Wahai Maryam, Sesungguhnya Allah telah memilihmu, dan mensucikanmu, dan telah memilihmu (beroleh kemuliaan) melebihi perempuan-perempuan seluruh alam (yang sezaman denganmu)

āli-Imran 3:42

Maryam menjaga kehormatannya dengan sesempurna penjagaan kerana menjaga kemaluan daripada perkara keji adalah tujuan yang paling tinggi dalam memelihara kesucian diri. Kesucian Maryam telah mendapat pengiktirafan Allah S.W.T. Allah S.W.T seringkali menegaskan bahawa Isa a.s lahir daripada seorang gadis suci yang sentiasa menjaga kehormatan diri dan berada di atas landasan kebenaran. Dengan itu Allah telah menggelarkan Maryam sebagai *siddiqah*. Firman Allah S.W.T:

مَا أَمْبَيْحُ أَبْنَيْ مَرْيَمَ إِلَّا رَسُولٌ فَدَخَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسْلُ وَأُمُّهُ صَدِيقَةٌ كَانَا يَأْكُلُانِ الطَّعَامَ أَنْظَرْ
كَيْفَ تُبَيِّنُ لَهُمُ الْأَيْتَ ثُمَّ انْظُرْ أَنَّى يُؤْفَقُونَ

"Tiadalah al-Masih ibnu Maryam itu melainkan seorang Rasul yang telah terdahulu sebelumnya beberapa orang Rasul, dan ibunya seorang perempuan yang amat benar, mereka berdua adalah memakan makanan (seperti kamu juga). Lihatlah bagaimana Kami jelaskan kepada mereka (ahli kitab itu) keterangan-keterangan (yang tegas) yang menunjukkan kesesatan mereka), kemudian lihatlah bagaimana mereka dipalingkan (oleh hawa nafsu mereka dari menerima kebenaran yang jelas nyata itu)".

Al-Māidah 5:75

PANDANGAN AL-QURAN TERHADAP KESUCIAN MARYAM

Pemilihan Maryam untuk mengandungkan Isa a.s adalah ketentuan Allah. Ketika Maryam tertanya-tanya bagaimana beliau akan melahirkan anak sedangkan masih perawan, malaikat Jibril mengatakan ia adalah perkara yang cukup mudah untuk Allah melaksanakannya. Bahkan tidak ada yang mustahil di sisi Allah S.W.T. Allah menekankan bahawa kelahiran Isa a.s melalui Maryam di luar kebiasaan manusia iaitu tanpa bapa adalah ketentuan-Nya sejak azali untuk membuktikan tanda kekuasaan-Nya kepada seluruh manusia sehingga ke hari akhirat. Firman Allah s.w.t.:

قَالَ كَذَلِّكَ قَالَ رَبُّكَ هُوَ عَلَيْهِ هِئَنِ وَلِنَجْعَلَهُ أَيَّةً لِّتَنَسِّبَ وَرَحْمَةً مَّنَّا وَكَانَ أَمْرًا مَّمْضِيًّا

"Ia menjawab: "Demikianlah keadaannya tak usahlah dihairankan; Tuhanmu berfirman; 'Hal itu mudah bagiku; dan Kami hendak menjadikan pemberian anak itu sebagai satu tanda(yang membuktikan kekuasaan Kami) untuk umat manusia, dan sebagai satu rahmat dari Kami; dan hal itu adalah satu perkara yang telah ditetapkan berlakunya'."

(Maryam 19 : 21)

Ia membuktikan bahawa Allah S.W.T tidak hanya semata-mata mengadakan manusia melalui proses biasa sebaliknya Dia berkuasa mencipta dan melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya dan menentukan bagaimana ia terjadi dan pada bila-bila masa sahaja yang dikehendaki-Nya.

Sebelum roh Isa a.s. ditüpkan ke dalam rahim Maryam, Allah S.W.T telah memerintahkan Jibril memberitahu Maryam yang beliau akan mengandungkan seorang anak yang akan diberi nama sebagai al-Masih Isa anak Maryam. Sesungguhnya Allah S.W.T Maha Mengetahui akan berlakunya fitnah ke atas kejadian Isa a.s tanpa bapa ini yang akan mendorong sebahagian manusia mengakuinya sebagai anak Tuhan, maka diutuskan-Nya Jibril terlebih dahulu kepada Maryam menghabarkan apa yang akan berlaku. Ia sebagai isyarat dan bukti bahawa anak tersebut hanyalah anak Maryam seorang sahaja. Justeru anak itu akan dinisbahkan kepadanya dan kelahirannya akan membuka salah satu lagi rahsia kekuasaan Allah (Ali-Imran :45).

ANALISIS KESUCIAN MARYAM MENURUT BIBLE DAN AL-QURAN.
Kelahiran Isa a.s yang menakjubkan ini telah dinafikan oleh kebanyakan manusia dan tidak kurang pula yang meraguinya bahkan ada yang takut untuk menyebutnya sehingga penulis-penulis gospel sendiri tidak membincangkannya. Hanya gospel Matthew dan Luke sahaja yang menyebut mengenai perkara ini manakala yang lainnya mengelak daripada menyebutnya apatah lagi Paul yang mendakwa dirinya utusan Jesus Christ dan John yang dikatakan murid kesayangan Jesus. Ia seolah-olah disembunyikan bagi mengelakkan pertanyaan dan dikhawatir menimbulkan celaan dan ejekan ataupun sangkaan buruk serta keraguan (Majdi).

Disebabkan kurangnya keterangan dalam gospel dan ditambah lagi dengan beberapa keterangan yang meragukan mengenai kelahiran Jesus maka ia telah membuka ruang pertikaian dan perselisihan serta menjadikannya semakin kabur dan memerlukan kepada penjelasan serta penambahan doktrin-doktrin lain dari semasa ke semasa

untuk melengkapannya dan meyakinkan pengikut Kristian terhadap apa yang mereka sangkakan itu.

Berbeza dengan al-Qur'an, Allah S.W.T bukan sahaja menyebut malah membentangkan secara terperinci dan membuat penegasan serta mengukuhkan cerita tersebut sehingga tidak timbul keraguan. Bahkan al-Quran sendiri menyebut *irhas* Isa a.s yang tidak disebut dalam mana-mana gospel iaitu kemampuannya bertutur ketika dilahirkan. Kemampuan tersebut telah mengukuhkan kesucian Maryam dan menyangkal kata-kata keji dan sangkaan buruk terhadapnya. Dalam keadaan sedemikian tiada siapa yang mampu untuk menjawab dengan meyakinkan bagi mempertahankan kebenaran dirinya kecuali melalui rahmat Allah S.W.T yang mendatangkan keajaiban, sebaliknya keterangan mengenai kelahiran Jesus di dalam gospel semakin menambahkan keraguan dan kekaburuan terhadap kesucian Maryam terutama pada pandangan orang-orang Yahudi. Keterangan gospel yang menyatakan hubungan Joseph dengan Mary tidak mampu untuk membersihkan nama dan kehormatan Maryam lebih-lebih lagi apabila ada di kalangan murid- murid Jesus lebih mengenalinya sebagai anak kepada Joseph seperti keterangan :

Philip found Nathanael and told him, "We have found the one Moses wrote about in the Law, and about whom the prophets also wrote-Jesus of Nazareth, the son of Joseph."

(John 1 : 45)

Tujuan gospel untuk mengaitkan keturunan Jesus dengan David melalui Joseph juga telah menyebabkan berlakunya perselisihan yang tidak mampu diselesaikan lebih-lebih lagi apabila gospel Matthew meriwayatkan keturunannya melalui Solomon bin David, (Matthew 1:6) manakala Luke pula dari Natthan bin David (Luke 3:32). Percanggahan yang timbul ini merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan gospel-gospel lain mengabaikan cerita kelahiran Jesus. Berlainan dengan al-Qur'an yang tidak menyebut langsung berkenaan mana-mana lelaki ataupun individu lain dalam kisah Maryam ketika hendak melahirkan Isa a.s., malah diceritakan Maryam bersendirian membawa diri dengan dipandu oleh Allah S.W.T menuju ke suatu tempat. Di sana beliau menghadapi kesakitan seorang diri dan setelah selamat melahirkan hanya diri dan anaknya sahaja yang disebutkan (Al-Mukminun 23:50).

Al-Qur'an begitu tegas menyatakan bahawa Maryam adalah perempuan suci yang sentiasa menjaga dan terpelihara kehormatan dirinya. Malahan al-Qur'an telah meletakkan kesalahan yang besar ke atas mereka yang menfitnah atau melemparkan kata-kata keji kepada Maryam seperti yang dilakukan oleh kaumnya dan menghukum kesalahan tersebut menyamai kufur. Manakala seseorang yang

mengengkari kelahiran Isa a.s dari ibu yang masih perawan akan menjadi kafir, tidak bermakna keimanannya dan tidak sah keislamannya.

وَيُكْفِرُهُمْ وَقُولُهُمْ عَلَىٰ مَرْيَمَ بُهْتَانٌ عَظِيمٌ۝

“dan (Kami hukum juga) karena kekafiran mereka (terhadap Isa), dan tuduhan mereka yang sangat keji terhadap Maryam”

Al-Nisa’ 4: 156

Demikianlah al-Qur'an telah menerangkan kedudukan yang sebenar yang nyata bertentangan dengan keyakinan dan kepercayaan penganut Kristian terhadap Isa a.s dan ibunya Maryam. Penjelasan al-Qur'an ini telah membersihkan Maryam daripada tohmahan dan fitnah yang mencemari kehormatan dirinya sekaligus telah membatalkan dakwaan Isa a.s. adalah anak zina yang dibuat oleh orang-orang Yahudi. Bahkan kedudukan Maryam bukan sahaja sebagai wanita suci yang terpelihara kehormatannya malah di angkat sebagai wanita terpilih dan menduduki setinggi-tinggi martabat di antara wanita.

PENUTUP

Al-Quran dan Bible mengiktiraf kesucian dan ketinggian kedudukan Maryam sebagai gadis sunti yang dipilih oleh Allah S.W.T untuk melahirkan pesuruh-Nya melalui proses kelahiran di luar kebiasaan manusia. Walaupun kedua-dua kitab menjelaskan perkara yang sama namun berbeza dalam meletakkan penghormatan terhadap beliau. Mary telah diberi kedudukan yang tinggi oleh penganut Kristian kerana kesudiannya untuk mengandung dan melahirkan Jesus sekaligus meletakkan kedudukannya sebagai ibu Tuhan yang mempunyai kemuliaan yang tinggi. Hasil kajian mendapati bahawa keperawanan Maryam ketika mengandung dan melahirkan Jesus telah mengukuhkan doktrin ketuhanan Jesus Christ pada pandangan penganut Kristian sedangkan keimanan umat Islam kepada Isa a.s dan ibunya Maryam hanya tertakluk kepada apa yang diceritakan oleh al-Quran. Justeru tidak ada penghormatan yang melangkaui penghormatan Allah ke atas dirinya dan ibunya. Ia adalah sebagai tanda kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T ke atas makhluk-Nya. Perbezaan pandangan kedua-dua agama terhadap keperawanan Maryam adalah berkait rapat dengan tugas dan tujuan perutusan Jesus atau Isa a.s ke dunia seterusnya membentuk keyakinan dan pegangan penganut kedua-dua agama berdasarkan apa yang terkandung dalam kitab suci masing-masing.

Kajian ini memberi impak yang baik terhadap bidang pengajian ilmu perbandingan agama terutama dalam konteks negara Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Memahami dan mengenali asas kepercayaan dan latar belakang agama lain merupakan antara jalan ke arah tolerensi keagamaan seterusnya mampu

mewujudkan suasana yang baik dan harmoni sesama sendiri (Sabjan, 2022, Gunardi S. et al., 2020, Khadijah Khambali et al., 2020) menyatakan dakwah yang disampaikan kepada non muslim dengan mengetahui realiti sebenar pandangan agama mereka berpandukan pakar agama dan kitab suci masing-masing secara tidak langsung dapat memberi sumbangan terhadap kelestarian pelaksanaan dakwah di samping dapat meningkatkan dan menguatkan iman pengkaji muslim itu sendiri terhadap ajaran Islam.

RUJUKAN

- The Holy Bible New International Version Containing the Old Testament and The New Testament: International Bible Society.
- Alberic Stacpoole. (1990). *Mary in doctrine & devotion*. Dublin: The Columba Press.
- Al-Qus, Hanā George al-Khudri. (1981). *Tárikh al-fikr al-Masihi; Yasu al-Masih 'abara al-ajyal*. Kaherah: Dar al-Thaqafah.
- Al-Ṭabarī, Muhammad Ibn Jarir. (1968). *Jami' al-bayan 'an ta'wil ayy al- Qur'an*. Mesir: Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy.
- Bromiley, G.W.(1988). *The International Standard Bible Encyclopedia*: William B Eermans Publishing Company.
- Donald, Attwater. (1930). *The Chatolic encyclopedia dictionary*. London: Cassel & Company limited.
- Donald, G. Bloesh. (1997). *Jesus Christ savior & lord*. Illionis: Inter Varsity Press.
- Fulton, J. Sheen. (1957). *The woman -sacred heart*. Indiana: Our Sunday Visitor.
- Gunardi, S., Mochammad Sahid, M. and Zahalan, N.M.H. (2020). Konsep harmoni yang dinamik dalam kehidupan beragama di Malaysia melalui pendekatan maqasid syariah. *Journal Al-'Abqari*, 23(2), 157-177.
- Hendro, B. (2020). Studi komperatif karateristik Maryam dan Isa dalam al-Quran dan Bible. *Jurnal Studi Agama*, 3(2), 74-84.
- James, Hastings. (1900). *Dictionary of the Bible*. Edinburge: T & T Clark.
- Jibril Farh. (1989). *Maryam al-'Azra'-Radd 'ala al-i'tiradat al-massah butülliyyataha*. Beirut: Mansyurat al-Maktabah al-Bulsiyyah.
- Joseph Betrus. (t.th). *tajalliyat wa mu'jizat Umm al-Nur*. Mesir: Matba'ah al-Misriyyin.
- Libreria Editrice Vaticana. (1995). *Catechism of the Catholic church*. Kuala Lumpur: Cedar Press Sdn Bhd.
- Mahmud Syalabi. (1987). *Hayah Maryam*. Beirut: Dar al-Jil.
- Muhammad Majdi Marjan. (t.th). *Al-Masih insan am Ilah*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Najah Nadiah Amran, Haziyah Hussin. (2020). Wanita dan pengurusan emosi melalui pengkisahan Maryam dalam al-Quran. *International Journal of Islamic Thought*, 17, 90-100.

- Nur Farhana Abdul Rahman, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Jaffary Awang, Zul‘Azmi Yaakob & Nur Solehah Shafiee. (2020). Memahami Asas Agama Lain Asas Toleransi Beragama: Tujuan dan Syarat dari Perspektif Pemimpin Agama di Malaysia. *Akademika*, 90(2), 165-179.
- Roshini, M. (1961). *Who is Mary*. N.p.: St Paul Publications.
- Sabjan, M. A. (2022). Cendekiawan heresiografi awal dalam perbandingan agama: Muhammad ‘Abd Al-Karim Al-Shahrastani dan kitabnya, Al-Milal wa al-nihal: *Journal Al-‘Abqari*, 26(1), 79-92.
- Sheed, F.J. (1952). *The Mary book*. London: Sheed & Ward.
- Yuhanna Buls al-Thani. (1990). *Karamah al-Mar'ah: Risalah Rasuliyyah*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Williams Evans. (1974). *The great doctrines of the Bible*. Chicago:Moody Press.